

# Manifesto BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU



## TN50

- Menambah jumlah Rumah Transit Belia 1Malaysia kemudahan kepada belia yang baru bekerja.
- Mengajukan kelas seni dan program sukan untuk kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).
- Menyediakan dana tahunan untuk setiap idea terbaik bagi 10 aspirasi utama dalam Karvas Belia TN50.
- Memperhebat program MyLESEN dengan menyediakan subsidi untuk mengambil lesen motosikal kelas B2.
- Mengurangkan beban untuk pasangan muda ingin berkahwin.
- Membina portal dan aplikasi e-Riadah.
- Menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan di seluruh negara.
- Menaik taraf infrastruktur kompleks sukan mini di peringkat kejurangan.
- Memperluas program perantisan dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).
- Mewujudkan peluang latihan digital di Pusat Internet 1Malaysia bagi menyediakan belia luar bandar untuk pekerjaan alaf baharu.
- Meluaskan penggunaan Rangkaian Usahawan Belia (YEN) sebagai portal sehenti untuk usahawan muda.
- Meneraju misi pembelajaran sepanjang hayat melalui kelas Massive Open Online Course (MOOC).
- Memberi peluang kedua kepada bekas tahanan, bekas penagih dadah dan golongan wanita terlanjur melalui latihan TVET dan penubuhan Tabung Peluang Kedua.

TN50



[FOTO HIASAN]

Wakil pelajar dan industri menyertai program dialog TN50: Aspirasi TVET 'Masa Depan Kerjayaku' di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat, Banting tahun lalu.

## Wujud 50,000 peluang kerja tambahan TVET

➔ Perkenal program Apprenticeship Malaysia babit lima industri tingkat kebolehpasaran graduan

Mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan tambahan menerusi Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) antara janji Barisan Nasional (BN) dalam manifestonya bagi menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Inisiatif itu membolehkan orang muda menyertai TVET Bootcamp selama tiga hingga enam bulan yang dirangka bersama bakal majikan.

Malah, BN berikrar menyediakan generasi muda berusia 30 tahun ke bawah dengan pekerjaan atau latihan untuk mendapat kerja dalam tempoh enam bulan.

### Program Apprenticeship Malaysia

Bagi mengatasi kebolehpasaran graduan mengangur pula, program Apprenticeship Malaysia akan diperkenalkan membabitkan lima industri rintis, selain meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui latihan amali berstruktur dan kemahiran insaniah kepada pelajar universiti awam (UA).  
Bukan sahaja pelajar UA, pelajar

lepasan maahad tahfiz akan diperkasakan melalui program keperantisan dan pepadanan latihan amali berstruktur di syarikat berasaskan industri halal.

Selain itu, belia yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam akan diperkasakan melalui Skim Rentas Kerjaya bersama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun.

### Perluas RBC di setiap daerah

BN juga berjanji memperkasakan peranan belia dalam pembangunan negara dengan mewujudkan aplikasi MyCadang yang idea dasar terbaik akan dipilih untuk pembentangan bulanan kepada mesyuarat jemaah menteri.

Bagi belia yang menceburi bidang keusahawanan, terutama di luar bandar pula, BN akan memperluaskan Cabaran Perniagaan Luar Bandar (RBC) di setiap daerah.

Pembabitkan belia dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga akan dipertingkatkan melalui penubuhan Majlis Belia PBT.



[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]

Pengusaha bengkel kereta, Faizal Yaakob antara 20 ikon TVET diperkenalkan pada Majlis Pelancaran TVET Malaysia, September tahun lalu.



[FOTO MOHD KHIDIR ZAKARIA/BH]

Penuntut Politeknik Port Dickson tertarik dengan model kereta api laju buatan Korea Selatan pada Festival Kerjaya TVET dan Forum Halatujui Industri Rel Malaysia di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson tahun lalu.